

KEMPEN BONANZA BEG KUNING 2026**SOALAN LAZIM****1. Apakah yang ditawarkan menerusi Kempen Bonanza Beg Kuning 2026?**

Kempen ini menawarkan rebat istimewa dan tawaran kepada pengguna Kad Kredit-i Bank Rakyat yang berbelanja (perbelanjaan patuh syariah) di platform jualan dalam talian TikTok.

Tawaran kempen adalah seperti berikut:

TAWARAN REBAT/ HADIAH	MAKLUMAT
5% rebat berbelanja di TikTok	<ul style="list-style-type: none">- Berbelanja menggunakan Kredit Kad-i Bank Rakyat di platform jualan dalam talian TikTok.- Rebate ditawarkan sepanjang tempoh kempen dan tertakluk kepada jumlah maksimum rebat RM100,000 sehingga habis ditebus (tertakluk pada mana-mana yang selesai dahulu).
2% rebat berbelanja di TikTok semasa tarikh digit berganda	<ul style="list-style-type: none">- Berbelanja menggunakan Kredit Kad-i Bank Rakyat di platform jualan dalam talian TikTok semasa tarikh digit berganda (7/7/2026 dan 8/8/2026)- Rebate ditawarkan pada setiap tarikh berganda dan tertakluk kepada jumlah maksimum rebat RM30,000 sehingga habis ditebus (tertakluk pada mana-mana yang selesai dahulu).
RM40.00 e-baucar	<ul style="list-style-type: none">- Transaksi perbelanjaan dilakukan dengan menggunakan Kad Kredit-i Bank Rakyat yang telah didaftarkan menerusi cara <i>Card-on-File (COF)</i> di platform jualan dalam talian TikTok.- e-baucar disediakan dengan jumlah maksimum RM40,000 bagi 1,000 pengguna Kad Kredit-i Bank Rakyat pertama.

2. Bilakah kempen ini akan berlangsung?

Kempen ini akan berlangsung dari **12 Jun hingga 31 Ogos 2026** atau **sehingga had RM100,000 bagi 5% rebat dan RM30,000 bagi 2% rebat** habis ditebus (tertakluk pada mana-mana yang selesai dahulu).

3. Siapakah yang layak untuk menyertai kempen ini?

Kempen ini terbuka kepada semua pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat (utama dan tambahan) termasuk warga kerja Bank Rakyat (selepas ini dirujuk sebagai Peserta) kecuali pemegang Kad Kredit-i Korporat.

4. Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen ini?

Penyertaan adalah secara automatik untuk semua pemegang kad yang layak tertakluk pada Terma dan Syarat kempen ini. Tiada prapendaftaran menerusi borang penyertaan atau khidmat pesanan ringkas (SMS) diperlukan.

5. Berapakah transaksi minimum yang diperlukan untuk layak menerima rebat tunai?

Tiada jumlah transaksi minimum diperlukan untuk layak menerima rebat tunai.

6. Bagaimanakah rebat tunai 5% dan 2% ini diterima?

Rebat tunai sebanyak 5% dan 2% akan dikreditkan atas transaksi yang telah dibilkan sahaja. Amaun pulangan tunai akan dipaparkan pada penyata bulanan peserta.

7. Di manakah maklumat berkaitan jumlah pulangan tunai yang diperolehi untuk bulan semasa boleh didapati?

Keterangan bagi jumlah pulangan tunai yang diperolehi untuk bulan semasa boleh disemak menerusi penyata Kad Kredit-i pada bulan berikutnya.

8. Adakah terdapat had bagi pulangan tunai yang boleh diperolehi?

Had sebanyak RM20.00 ditetapkan bagi jumlah pulangan tunai yang boleh diperolehi setiap pemegang kad sepanjang tempoh kempen berlangsung.

9. Adakah rebat tunai 5% dan 2% yang ditawarkan boleh dipindah milik?

Pulangan tunai ini tidak boleh dipindah milik kepada akaun pihak ketiga.

10. Adakah pulangan tunai yang ditawarkan boleh ditukar kepada barangan atau hadiah lain?

Tidak boleh.

11. Di manakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?

Maklumat lanjut berhubung kempen ini boleh didapati di:

- a) Laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my
- b) Perbankan Internet Bank Rakyat di www.irakyat.com.my
- c) Pusat Panggilan: 1 300 80 5454
- d) Pusat Kad Bank Rakyat: 03-2693 6880
- e) Laman media sosial Bank Rakyat (Facebook, Instagram atau X)

Soalan lazim kempen ini adalah tertakluk pada terma dan syarat kempen, terma dan syarat Kad Kredit-i Bank Rakyat serta terma lain yang ditetapkan oleh Bank Rakyat dari semasa ke semasa.